

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kutipan cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilancarkan 1 April 2015 dan bagaimana GST berjaya mengimbangkan ekonomi Negara yang kini berdepan dengan ekonomi global yang masih tidak menentu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST)

bermula 1 April 2015, sejajar dengan usaha mempelbagaikan sumber hasil khususnya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. Kutipan GST pada tahun 2015 berjumlah RM27 bilion dan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2016 pula, unjuran hasil GST adalah sebanyak RM39 bilion. Jumlah kutipan GST yang lebih tinggi berbanding kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum ini telah dapat mengimbangi pengurangan hasil berkaitan petroleum berikutan kejatuhan harga minyak mentah global sejak tahun 2014. Sumbangan hasil GST ini telah memberi keupayaan kepada Kerajaan untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara di mana pada tahun 2015, Kerajaan telah mencapai sasaran paras defisit fiskal pada 3.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagi tahun 2016 pula, paras defisit fiskal disasarkan pada 3.1% kepada KDNK.

2. Kemampanan fiskal jangka panjang adalah penting bagi mewujudkan ruang fiskal (*fiscal space*) untuk melaksanakan program dan projek pembangunan negara, seterusnya mengekalkan daya tahan dan daya

saing ekonomi negara. Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal dengan mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020.